



**UNDANG-UNDANG KECIL  
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR  
1979**

## **KANDUNGAN**

### **BAHAGIAN I PERMULAAN**

Undang-  
undang  
Kecil

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

### **BAHAGIAN II VESEL MEMASUKI DAN MENINGGALKAN PELABUHAN**

3. Pemberitahu ketibaan dan keberangkatan.
4. Permohonan tambatan.
5. Penguntukan tambatan

### **BAHAGIAN III TUNDAAN**

6. Perkhidmatan tunda.
7. Syarat-syarat tundaan Lembaga.

#### BAHAGIAN IV

##### VESEL MEMASUKI DAN MENINGGALKAN TAMBATAN

Undang-  
undang  
Kecil

8. Isyarat.
9. Pertempatan vesel dan tanggungan atas kerosakan harta pelabuhan.
10. Memasuki tambatan di waktu malam.

#### BAHAGIAN V

##### VESEL DITAMBAT DI SISI TAMBATAN

11. Pertambatan kukuh di sisi tambatan.
12. Tanggungan atas keselamatan apabila berada di sisi tambatan.
13. Bersedia untuk pindah dengan notis singkat masa.
14. Arahan meninggalkan Dermaga Lembaga.
15. Arahan bertukar tambatan.
16. Kos pertukaran tambatan.
17. Vesel hendaklah menggunakan alat pertambatan sendiri.
18. Penggunaan wisel atau semboyan dalam Pelabuhan.
19. Propeler tidak boleh dihidupkan.
20. Menguji enjin di dermaga.
21. Bampar.
22. Binatang-binatang ganas.
23. Vesel hendaklah mencegah kotoran dan lain-lain daripada jatuh ke atas dermaga.
24. Vesel tidak boleh meletakkan kelengkapan kapal di atas dermaga.
25. Pemindahan anjuran.
26. Penggunaan penghalang-penghalang tikus.

#### BAHAGIAN VI

##### KECEMASAN—LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

27. Kebakaran.
28. Terkandas atau terdampar.
29. Kecemasan.
30. Tanggungjawab pemunya jika berlaku kebakaran, terdampar, tenggelam dan hanyut kerana putus tambatan.

Undang-undang Kecil

31. Cukup anak kapal di atas vesel.
32. Vesel hendaklah diterangi secara berpatutan.
33. Penggunaan lampu suluh.
34. Larangan merokok di tempat-tempat dinyatakan.
35. Membaiki vesel.
36. Keselamatan orang-orang di atas kapal.
37. Penggunaan bahan mudah terbakar dalam pelabuhan atau di atas vesel.

BAHAGIAN VII

VESEL YANG MEMUATKAN DAN MEMUNGGAH BARANG-BARANG

38. Vesel tidak boleh membuat kerja sehingga ditambah secara kukuh.
39. Nakhoda hendaklah mengadakan lampu secukupnya.
40. Vesel hendaklah dikerjakan dengan seberapa segera yang berpatutan.
41. Vesel tidak boleh menunggu-nunggu di sisi tambatan.
42. Tanggungjawab atas kelewatan.
43. Larangan merokok.
44. Vesel hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga.
45. Kerjasama dengan pegawai berkuasa.
46. Perburuhan yang dibenarkan di atas vesel.
47. Lembaga tidak bertanggungjawab atas perbuatan pemunggahan atau bekerja.
48. Notis untuk memunggah atau memuatkan barang-barang.

BAHAGIAN VIII

PENDARATAN DAN PENGAPALAN BARANG-BARANG

49. Pendepositan manifest.
50. Barang-barang oversida ke tongkang-tongkang persendirian.
51. Nakhoda hendaklah mengemukakan senarai perkapalan overside ke dalam dan pemunggahan overside daripada kraf persendirian.
52. Nakhoda hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen lain.
53. Nakhoda hendaklah menyatakan barang-barang berat dan besar.

Undang-  
undang  
Kecil

54. Barang-barang berharga.
55. Barang-barang yang boleh ditolak penerimaan.
56. Pendaratan barang-barang pelabuhan lain.
57. Pendaratan senjata api dan bahan letupan.
58. Pendaratan dan pengapalan ternakan.
59. Menandai bungkusan.
60. Dokumen dikehendaki untuk barang-barang eksport.
61. Barang-barang tidak boleh diperkapalkan tanpa resit.
62. Tiada pengapalan secara langsung tanpa kebenaran.
63. Kemudahan-kemudahan untuk memeriksa barang-barang.
64. Barang-barang hendaklah ditimbang dan diukur.
65. Penerimaan barang-barang luar.
66. Pemeriksaan di atas vesel.
67. Kelewatan dan penahanan.
68. Pemunggaan dalam hujan.
69. Kerosakan pada masa mengangkut dengan kren dan pada masa membekal kelengkapan lain.

BAHAGIAN IX

PENERIMAAN, PENYIMPANAN DAN PEMINDAHAN  
BARANG-BARANG

70. Tempat simpanan tidak dijamin.
71. Barang-barang tertentu yang tidak diterima untuk disimpan.
72. Pendepositan barang-barang untuk dikapalkan.
73. Penyimpanan barang-barang di tempat terbuka.
74. Syarat-syarat bagi menyimpan dan menggudangkan.
75. Penyerahan barang-barang mengikut tanda.
76. Pengumpulan barang-barang di atas dermaga.
77. Penyerahan barang-barang curai dan besar.
78. Syarat-syarat penyerahan.
79. Hak untuk memindahkan barang-barang.
80. Genting, bata, keping-keping asbestos dan lain-lain yang pecah.
81. Risiko atas barang-barang yang tidak dipindahkan.

Undang-undang  
Kecil

82. Pemandahan barang-barang busuk atau berbahaya daripada premis pelabuhan.
83. Pemeriksaan dan penilaian.
84. Maklumat mengenai barang-barang.
85. Membaiki kontena-kontena barang-barang.
86. Resit barang-barang.

BAHAGIAN X

PEMBATASAN TANGGUNGAN

87. Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan kepada barang-barang lain daripada barang-barang pindahkapal yang didepositkan dengan Lembaga.
88. Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan kepada barang-barang pindahkapal yang didepositkan dengan Lembaga.
89. Force Majeure dan lain-lain.
90. Barang-barang yang tidak dilindungi.
91. Tanggungan berkenaan dengan pengangkutan sebahagiannya dengan keretapi atau jalanraya dan sebahagian lagi dengan jalan laut.
92. Tanggungan berkenaan pengangkutan jalan laut.

BAHAGIAN XI

BARANG-BARANG BERBAHAYA

93. Sekatan-sekatan mengenai vesel dan tongkang yang berada di sisi dermaga.
94. Vesel dan tongkang yang membawa petroleum secara banyak.
95. Petroleum atau bahan letupan.
96. Vesel-vesel bermuat barang-barang dalam kelas-kelas I, II dan III di sisi dermaga.
97. Kebenaran dikehendaki untuk membawa masuk barang-barang berbahaya.
98. Bungkus-bungkus cacat tidak boleh didaratkan.
99. Barang-barang hendaklah didaratkan pada waktu siang.
100. Memunggah dan memuatkan barang-barang berbahaya, lain daripada barang-barang dalam kelas IV.

Undang-undang Kecil

101. Pemungghahan barang-barang berbahaya dalam kelas I.
102. Vesel yang membawa barang-barang berbahaya tidak boleh berada di sisi dermaga.
103. Pemungghahan dan pemindahankapal bahan letupan.
104. Barang-barang berbahaya dalam kelas II boleh berada di atas vesel tertakluk kepada syarat-syarat.
105. Barang-barang berbahaya dalam kelas III.
106. Pemuatan barang-barang berbahaya dalam kelas-kelas I, II dan III.
107. Penerimaan dan penyimpanan barang-barang berbahaya dalam kelas IV.
108. Notis Amaran tidak boleh dicatitkan.

BAHAGIAN XII

JALAN MASUK KE PREMIS PELABUHAN

109. Penutupan premis.
110. Masuk dan keluar.

BAHAGIAN XIII

TRAFIK KERETA DALAM PREMIS PELABUHAN

111. Mematuhi peraturan-peraturan trafik Lembaga.
112. Kereta boleh dipindahkan.
113. Penggunaan kereta untuk sewa atau upah.
114. Petroleum dalam kereta.
115. Isyarat-isyarat trafik.
116. Kawasan-kawasan letak kereta.
117. Memiliki lesen sah.
118. Sekatan laju.
119. Basikal dan kereta kayuh hendaklah didaftarkan.
120. Galangan oleh kereta dan pemindahan.
121. Mematuhi arahan pekerja yang diberikuasa dan polis.
122. Sekatan mengenai muatan.

---

BAHAGIAN XIV  
KAEDAH-KAEDAH AM

Undang-  
undang  
Kecil

123. Hari-hari pelabuhan ditutup.
124. Menuruti arahan-arahan sah.
125. Sekatan-sekatan menghisap rokok dan lampu tak bertutup.
126. Mencatatkan alat kelengkapan.
127. Pelupusan sampah.
128. Kebenaran dikehendaki untuk menangkap ikan atau mandi.
129. Kebenaran dikehendaki untuk mengambil gambar.
130. Pencerobohan oleh binatang.
131. Mengiklan dalam premis pelabuhan.
132. Sekatan mengenai menjual barang-barang.
133. Kraf pelabuhan.
134. Lesen bagi perdagangan.
135. Pencemaran premis pelabuhan.
136. Pencemaran perairan pelabuhan.
137. Pernyataan dalam dokumen.

BAHAGIAN XV  
PENALTI

138. Penalti.
  - JADUAL PERTAMA.
  - JADUAL KEDUA.
  - JADUAL KETIGA.
  - JADUAL KEEMPAT.
  - JADUAL KELIMA.
  - JADUAL KEENAM.
  - JADUAL KETUJUH.
  - JADUAL KELAPAN.
  - JADUAL KESEMBILAN.



## AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

### UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR 1979

11/63. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963, Lembaga Pelabuhan Johor, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Nama dan  
mula berkuat-  
kuasa. 1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor 1979**, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1976.

Tafsiran. 2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Lembaga Pelabuhan 1963;

40/57 “bahan letupan” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Ordinan Bahan Letupan 1957;

“barang-barang” termasuklah ternakan, galian, keluaran kilang dan dagangan dari segala perihalnya;

“barang-barang berbahaya” termasuklah peluru, bahan letupan, petrolcum, atau lain-lain bahan atau benda yang mudah terbakar atau berbahaya dan semua barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“barang-barang pindahkapal” ertinya barang-barang yang didaratkan dari satu vesel dan diletakkan dalam jagaan Lembaga bagi maksud dikapalkan atas suatu vesel lain dengan kuasa suatu Resit Muatan melalui yang diberi tarikh di pelabuhan barang-barang itu dimuatkan dan yang menunjukkan bahawa pengangkutannya adalah melalui Pelabuhan di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga, dengan pelabuhan destinasi sebenar barang-barang itu ditandakan pada tiap-tiap satu bungkusan atau unit yang mengandungi barang-barang tersebut dan dinyatakan dalam suatu manifest pindahkapal yang diserahkan kepada Lembaga sebelum daripada atau pada masa barang-barang itu diletakkan dalam jagaan Lembaga;

“barang-barang yang tidak dilindungi” ertinya barang-barang yang tidak dipek dalam kontena atau kotak atau peti atau apa-apa jenis pembalut yang melindungi;

“bungkusan” termasuklah sesuatu kotak, raga, tong, peti, bekas, guni, beg, pembalut, sampul atau lain-lain penutup atau benda dalam mana barang-barang ditempatkan bagi maksud diangkut, dikirim, dijadikan muatan, diimport atau dieksport;

“daratan” termasuklah dasar laut di bawah tikas air tinggi;

21/63 “daerah permaliman” ertinya Daerah Permaliman Pelabuhan Johor yang diisytiharkan di bawah seksyen 29A Akta;

“dermaga” termasuklah sesuatu dinding dan bangunan yang bersempadan dengan pesisir, dasar laut atau dasar sungai;

“dermaga Lembaga” ertinya sesuatu dermaga, limbungan, pier atau tempat mendarat yang dikendalikan atau dikawal oleh Lembaga;



"Penguasa Bomba" ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Lembaga untuk bertanggungjawab atas Pasukan Bomba dan termasuklah penolong-penolongnya dan mana-mana pegawai lain yang bertindak di bawah atau dengan kuasanya;

"Pengurus Merin" ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Lembaga untuk bertanggungjawab atas Jabatan Merin dan termasuklah penolong-penolongnya dan mana-mana pegawai lain yang bertindak di bawah atau dengan kuasanya;

"Pengurus Trafik" ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Lembaga untuk bertanggungjawab atas Jabatan Trafik dan termasuklah penolong-penolongnya dan mana-mana pegawai lain yang bertindak di bawah atau dengan kuasanya;

"penumpang" ertinya mana-mana orang yang dibawa dalam sesuatu vesel kecuali:

- (a) seseorang yang diambilkerja atau membuat kerja dalam apa-apa jawatan dalam vesel itu mengenai urusan vesel itu;
- (b) seseorang yang berada dalam vesel sama ada oleh sebab dibawa oleh Nakhoda pada menjalankan kewajipan yang ditanggungkan ke atasnya untuk membawa orang-orang dari kapal karam, orang-orang malang atau orang-orang lain, atau oleh sebab sesuatu hal-keadaan yang tidak dapat dicegah atau dihalang oleh Nakhoda atau pemunya atau pencatar, jika ada; dan
- (c) seseorang kanak-kanak di bawah umur satu tahun;

"pier" termasuklah apa-apa pentas, tangga, tempat mendarat, pentas mendarat, jeti, tongkang kotak terapung atau pontun dan apa-apa jambatan atau kerja-kerja lain yang berkaitan dengannya;

46/49.

"petroleum berbahaya", "petroleum" dan "petroleum secara banyak" mempunyai erti yang diberi kepadanya masing-masing dalam Ordinan Petroleum 1949;

"premis pelabuhan" termasuklah semua tempat yang dipunyai atau diduduki oleh Lembaga dan yang diuntukkan olehnya bagi mendarat dan mengapalkan barang-barang termasuk sesuatu bahagian tebing sungai yang dipunyai atau diduduki sedemikian yang mana telah dimajukan bagi memudahkan pendaratan dan pengapalan itu dan sesuatu pesisir yang dipunyai atau diduduki sedemikian dan digunakan bagi maksud-maksud itu, tetapi tidaklah termasuk sesuatu bahagian tebing pesisir atau lain-lain tempat yang tidak dipunyai atau diduduki sedemikian;

21/60.

"senjata" mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Akta Senjata 1960;

"Syahbandar" ertinya Syahbandar Pelabuhan dan termasuklah timbalannya dan mana-mana orang yang bertindak di bawah atau dengan kuasanya;

"tundaan" ertinya sesuatu kendalian berkaitan dengan memegang atau menolak atau menarik atau menggerakkan atau memberi layanan bagi maksud itu, sesuatu vesel;

"vesel" termasuklah tongkang kotak, tongkang dan sesuatu kapal atau bot yang digerakkan oleh jentera.

## BAHAGIAN II

### VESEL MEMASUKI DAN MENINGGALKAN PELABUHAN

3. (1) Pemunya, Nakhoda atau ejen tiap-tiap vesel yang hendak singgah di Pelabuhan hendaklah, dengan seberapa awal yang boleh dan walau bagaimanapun tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum anggaran waktu tiba, memberi notis secara bertulis kepada Pengurus Trafik tentang jangkaan waktu dan tarikh tiba dan memberi apa-apa maklumat mengenai vesel itu yang dikehendaki secara berpatutan oleh Pengurus Trafik. Pemunya, Nakhoda atau ejen yang memberi maklumat itu hendaklah memastikan bahawa maklumat itu adalah tepat.

Pemberitahu  
ketibaan dan  
keberangan-  
katan.

(2) Pemunya, Nakhoda atau ejen tiap-tiap vesel yang hampir meninggalkan Pelabuhan hendaklah, dengan seberapa awal yang boleh dan walau bagaimanapun tidak kurang daripada tiga jam sebelum anggaran waktu keberangkatan, memberi notis secara bertulis kepada Pengurus Trafik tentang jangkaan waktu keberangkatan.

4. Tiada suatu pun vesel boleh diperuntukkan tambatan kecuali atas suatu permohonan bertulis yang dibuat oleh pemunya, Nakhoda atau ejen vesel itu kepada Pengurus Trafik dalam borang yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Undang-undang Kecil ini sekurang-kurangnya dua puluh empat jam sebelum tambatan itu dikehendaki.

Permohonan  
tambatan.

5. (1) Pengutukan sesuatu tambatan adalah menurut budibicara mutlak Pengurus Trafik.

Pengutukan  
tambatan.

(2) Sebagai kebiasaannya, vesel-vesel hendaklah diperuntukkan tambatan-tambatan mengikut ketibaan masing-masing di luar Pelabuhan, tetapi Pengurus Trafik boleh mengubah kebiasaan itu jika difikirkannya munafaat berbuat sedemikian.

(3) Tiada suatu pun vesel boleh ditambat atau ditempatkan di sisi sesuatu tambatan Lembaga tanpa kebenaran bertulis Pengurus Trafik yang dinyatakan dalam borang Jadual Ketiga, dan tiada vesel boleh menduduki tambatan lain daripada yang diperuntukkan kepadanya.

## BAHAGIAN III

### TUNDAAN

6. Kecuali dengan kebenaran bertulis Pengurus Merin, tiada suatu pun vesel atau benda lain yang berkehendakkan tundaan atau bantuan lain bagi maksud menghampiri atau meninggalkan atau menjalankan gerakan dalam kawasan Pelabuhan boleh menggunakan tundaan atau bantuan lain selain daripada yang disediakan oleh Lembaga.

Perkhidmatan  
tunda.

7. Tundaan dan bantuan berkenaan dengan tundaan vesel-vesel dan benda-benda lain hendaklah hanya disanggupi oleh Lembaga atas had dan syarat-syarat yang berikut:

Syarat-syarat  
tundaan  
Lembaga.

(a) Tundaan atau bantuan hendaklah disifatkan sebagai bermula hanya apabila kapaltunda bersedia menerima perintah-perintah secara langsung dari yang hendak ditunda atau bersedia menghulur atau menerima tali tunda, mengikut mana yang terdahulu, dan sebagai berakhir apabila perintah-perintah akhir daripada yang hendak ditunda supaya berhenti memberi layanan telah dijalankan atau apabila tali tunda telah dilepaskan secara terakhir dan kapaltunda itu tidak berangkai lagi dengan yang hendak ditunda, mengikut mana yang terkemudian.

- (b) Lembaga tidak bertanggungjawab kepada pemunya-pemunya kapal atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang mereka mungkin tanggung. Pemunya-pemunya kapal hendaklah menanggung, membayar dan menanggungrugi Lembaga terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang ia mungkin tanggung berbangkit dalam masa berjalannya, atau berkaitan dengan, tundaan atau bantuan berkenaan dengan tundaan itu, dari apa-apa jua sebab termasuk ketidaklayakan belayar ke laut, ketidak-sesuaian atau kerosakan kapaltunda, kelengkapan atau alat-alat tundanya, kekurangan bahanapi, barang-barang stor atau laju atau selainnya tetapi tidak termasuk kecuaiian Lembaga, pekerja-pekerja atau ejen-ejennya pada bila-bila masa :

Dengan syarat bahawa kerugian atau kerosakan itu bukan disebabkan oleh kekurangan atau ketiadaan berhati-hati secara berpatutan sebelum dan pada permulaan tundaan atau bantuan berkenaan dengan tundaan itu di pihak Lembaga untuk menjadikan kapaltunda itu layak belayar ke laut bagi menjalankan tundaan dan bantuan itu.

- (c) Beban membuktikan apa-apa kekurangan atau ketiadaan berhati-hati secara berpatutan sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (b) adalah terletak di atas pemunya-pemunya kapal dan fakta ketidaklayakan belayar ke laut dari apa-apa jenis secara tunggal tidak boleh diterima sebagai keterangan kekurangan atau ketiadaan berhati-hati secara berpatutan itu.
- (d) Lembaga boleh pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas bermulanya tundaan atau bantuan berkenaan dengan tundaan itu, menggantikan satu kapaltunda dengan yang lain dan boleh menunda atau secara lain membantu dalam perkara-perkara berkenaan dengan tundaan itu lebih daripada satu vesel pada sesuatu masa. Lembaga adalah bebas menggunakan kapaltunda yang dipunyai oleh pemunya kapaltunda lain bagi kesemua atau sesuatu bahagian tundaan atau bantuan itu.
- (e) Tiada apa-apa wang yang kena dibayar oleh pemunya-pemunya kapal di bawah peruntukan-peruntukan Bahagian ini boleh diselesai atau dikurangkan dengan apa-apa wang yang didapati oleh Lembaga daripada penginsuran-penginsurannya mengenai kerugian atau kerosakan yang sama, dan pemunya-pemunya kapal tidaklah berhak diletakganti atas apa-apa hak Lembaga atau mempunyai apa-apa hak rantaman daripada penginsuran-penginsuran Lembaga.
- (f) Jika sekiranya Lembaga menggunakan kapaltunda seseorang pemunya kapaltunda lain, bagi kesemua atau sesuatu bahagian tundaan atau bantuan berkenaan dengan tundaan itu, pemunya-pemunya kapal tidak boleh membawa apa-apa guaman terhadap pemunya kapaltunda yang satu lagi itu mengenai apa-apa perkara yang berbangkit daripada tundaan atau bantuan yang diberi berkenaan dengan tundaan itu.
- (g) Had-had dan syarat-syarat undang-undang kecil ini hendaklah berkuatkuasa seterusnya walaupun apa-apa pelencongan atau gangguan menjalankan tundaan atau bantuan dan sama ada atau tidak telah ada sesuatu penggantian kapaltunda.

#### BAHAGIAN IV

##### VESEL MEMASUKI DAN MENINGGALKAN TAMBATAN

8. (1) Tambatan yang diperuntukkan oleh Pengurus Trafik hendaklah ditunjukkan dengan Bendera Kod Antarabangsa "N" yang dipamirkan di puncak tiang yang diletakkan pada tempat di atas tambatan di mana haluan vesel itu patut ditempatkan. Isyarat itu hendaklah disifatkan sebagai menunjukkan bahawa Lembaga adalah bersedia menerima vesel itu dan tiada vesel boleh masuk ke sisi tambatan hingga isyarat itu dipamirkan.

Isyarat

(2) Pada waktu malam Bendera "N" hendaklah digantikan dengan api putih berkelip-kelipan dengan cepatnya.

9. (1) Sesuatu vesel hendaklah ditambat dan diikat dengan kukuh oleh Nakhoda vesel dengan memuaskan hati Pengurus Merin. Suatu kumpulan buruh pertambatan hendaklah berada di atas tambatan untuk memberi bantuan di bawah arahan Nakhoda vesel apabila vesel-vesel masuk ke sisi atau meninggalkan tambatan.

Pertambatan vesel dan tanggungan atas kerosakan harta Pelabuhan.

(2) Semua bantuan hendaklah diberi dengan tertakluk kepada syarat bahawa Lembaga tidak bertanggungjawab atas apa-apa akibat yang berbangkit daripadanya.

(3) Memasuki tambatan hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa Nakhoda vesel adalah bertanggungjawab secara tunggal atas pertambatan itu, dan Lembaga tidak bertanggungjawab mengenai pertambatan yang tidak teguh atau tidak sempurna atau yang cacat, atau akibat yang berbangkit daripadanya. Apa-apa kerosakan yang dilakukan kepada dermaga atau limbungan atau pier atau kepada mana-mana harta Lembaga oleh vesel itu, sama ada oleh sebab malim Lembaga atau pegawai yang bertanggungjawab tidak cekap atau cuai, hendaklah dipampas oleh Nakhoda dan pemunya vesel dan Lembaga boleh menahan vesel itu sehingga sekuriti telah diberi untuk meliputi kerosakan sebanyak yang dilakukan.

10. Tiada suatupun vesel boleh memasuki atau meninggalkan tambatan di waktu malam tanpa kebenaran Pengurus Merin.

Memasuki tambatan di waktu malam

#### BAHAGIAN V

##### VESEL DITAMBAT DI SISI TAMBATAN

11. Nakhoda hendaklah memastikan bahawa vesel yang berada di sisi dermaga Lembaga adalah ditambat kukuh pada setiap masa dan pertambatan-pertambatan dianggarkan sebagaimana perlu mengikut pasang dan surut air atau mengikut lalunya vesel-vesel lain.

Pertambatan kukuh di sisi tambatan.

12. Tiap-tiap vesel yang bertambat di mana-mana dermaga Lembaga hendaklah terus berada di bawah tanggungjawab Nakhoda yang hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk menjaga keselamatan vesel itu.

Tanggungjawab atas keselamatan apabila berada di sisi tambatan.

13. Tiap-tiap vesel yang bertambat di dermaga Lembaga hendaklah, melainkan jika Lembaga membenarkan selainya, disenggara dalam keadaan yang membolehkannya dipindahkan dengan selamat apabila dikehendaki.

Bersedia untuk pindah dengan notis singkat masa

14. Tiap-tiap vesel yang berada di sisi dermaga Lembaga hendaklah meninggalkan dermaga itu apabila diarahkan sedemikian oleh Pengurus Trafik.

Arahan meninggalkan dermaga Lembaga

- Arahan bertukar tambatan. 15. Lembaga boleh memerintahkan Nakhoda vesel yang bertambat di mana-mana dermaga Lembaga supaya mengubah kedudukan vesel itu pada tambatan itu atau supaya bertukar ke tambatan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.
- Kos pertukaran tambatan. 16. Lembaga tidak boleh menanggung kos pertukaran tambatan atau penambatan sesuatu vesel.
- Vesel hendaklah menggunakan alat pertambatan sendiri. 17. Vesel-vesel yang bertambat di sisi mana-mana dermaga Lembaga hendaklah diikat kukuh kepada dermaga itu dengan menggunakan tali-tali, tali besi atau lain-lain alat pertambatannya sendiri. Tali-tali, tali-tali besi atau lain-lain alat pertambatan itu hendaklah yang kukuh dan baik keadaannya.
- Penggunaan wisel atau semboyan dalam Pelabuhan. 18. Kecuali dalam hal apabila nyawa atau harta berada dalam bahaya tiada seorang pun Nakhoda atau pemunya boleh membenarkan wisel atau semboyan veselnya digunakan dalam masa vesel itu ditambat di sisi sesuatu dermaga Lembaga.
- Propeler tidak boleh dihidupkan. 19. (1) Nakhoda atau pemunya vesel yang bertambat di sisi dermaga Lembaga tidak boleh membenarkan propeler vesel itu dihidupkan dengan kuasa atau dengan tangan, melainkan jika sesuatu kebenaran bertulis telah didapati daripada Pengurus Merin. Pengurus Merin boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut.  
(2) Nakhoda atau pemunya vesel yang melanggar undang-undang kecil ini adalah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku.
- Menguji enjin di dermaga. 20. Tiada suatu pun enjin boleh diuji di dermaga Lembaga tanpa kebenaran Pengurus Merin. Pengurus Merin boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.
- Bampar. 21. Tiap-tiap vesel yang berada di sisi mana-mana dermaga Lembaga hendaklah mengada dan menggunakan bampar-bampar yang sesuai diperbuat daripada bahan yang tidak tenggelam.
- Binatang-binatang ganas. 22. Tiada suatu pun binatang ganas boleh ditempatkan dalam mana-mana vesel yang berada di sisi dermaga Lembaga, melainkan jika binatang itu adalah ditambat dengan sempurna dan dikawal secara berkesan.
- Vesel hendaklah mencegah kotoran dan lain-lain daripada jatuh ke atas dermaga. 23. (1) Gas, wap, air, atau lain-lain lepasan daripada sesuatu vesel hendaklah dialirkan turun di tepi kapal ke bawah aras dermaga dengan suatu hos atau alat lain yang berkesan.  
(2) Semua paip air dan wap hendaklah diadang secara berkesan.  
(3) Tiada lebihan, kotoran atau najis boleh dilepaskan daripada apa-apa paip lepasan, jamban pam atau tandas ke atas sesuatu bahagian dermaga.  
(4) Nakhoda atau pemunya vesel adalah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa pelanggaran terhadap undang-undang kecil ini.
- Vesel tidak boleh meletakkan kelengkapan kapal di atas dermaga. 24. Tiada suatu pun bot, tiang, sauh, kabel atau lain-lain barang kelengkapan kapal, bahan alas, pelampung dari atau kepunyaan sesuatu vesel boleh diletakkan atau berada di atas sesuatu dermaga Lembaga tanpa kebenaran Pengurus Trafik.

25. Semua anjuran daripada sesuatu vesel yang mungkin mengendalkan atau menghalang pergerakan vesel itu atau merosakkan sesuatu pengakalan, kelengkapan, atau pada bila-bila masa mengganggu pemuatan atau pemungghahan suatu vesel lain hendaklah dipindahkan apabila diarahkan oleh Pengurus Trafik.

Pemindahan anjuran.

26. Nakhoda tiap-tiap vesel yang bertambat di sisi mana-mana dermaga Lembaga hendaklah memastikan bahawa penghalang-penghalang tikus yang sempurna dipasang pada semua pertambatan.

Penggunaan penghalang-penghalang tikus.

## BAHAGIAN VI

### KECEMASAN—LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

27. Jika sekiranya berlaku kebakaran di atas sesuatu vesel, Nakhoda atau orang yang bertanggungjawab hendaklah—

Kebakaran.

- (a) mengambil langkah-langkah segera untuk memadamkan api kebakaran itu;
- (b) memberitahu Pengurus Merin dan Syahbandar tanpa berlengah-lengah dan dengan cara yang habis terus;
- (c) memastikan bahawa segala bantuan diberi oleh anak kapal vesel itu kepada mana-mana pasukan atau vesel melawan kebakaran atau mana-mana pembekal barang-barang yang dikehendaki untuk memadamkan api kebakaran itu;
- (d) menghantar suatu laporan bertulis yang lengkap tentang hal-hal keadaan berhubung dengan kebakaran itu kepada Pengurus Merin dan Syahbandar dalam tempoh 48 jam dari padamnya api kebakaran itu dan walau bagaimanapun sebelum apa-apa permohonan dibuat untuk mendapat pelepasan pelabuhan; dan
- (e) menyediakan vesel itu untuk menukar tambatan dengan seberapa segera yang boleh.

28. Jika sekiranya sesuatu vesel ferkandas atau terdampar, Nakhoda atau orang yang bertanggungjawab atas vesel itu hendaklah—

Terkandas atau terdampar.

- (a) mengambil langkah-langkah segera untuk mencegah keadaan vesel itu menjadi bertambah buruk;
- (b) memberitahu Pengurus Merin dan Syahbandar tanpa berlengah-lengah dan dengan cara yang habis terus sama ada bantuan dari lain-lain vesel atau dari pantai dikehendaki dan jenis bantuan yang dikehendaki itu;
- (c) apabila sesuatu vesel atau vesel-vesel datang menghampirinya, membuat isyarat bunyi dengan semboyan wisel vesel itu terdiri daripada satu bunyi pendek diikuti dengan satu bunyi panjang diikuti dengan satu bunyi pendek dan hendaklah membuat isyarat itu secara berterusan selang tidak lebih daripada satu minit sehingga vesel yang datang menghampiri itu mengarahkan haluannya jauh daripada bahaya;
- (d) memastikan bahawa segala bantuan diberi oleh anak kapal vesel itu kepada lain-lain vesel atau orang yang memberi bantuan kepadanya;
- (e) memberitahu Pengurus Merin dan Syahbandar tanpa berlengah-lengah dan dengan cara yang habis terus apabila bantuan selanjutnya tidak dikehendaki atau apabila vesel itu telah dipungkan semula; dan



(f) menghantar suatu laporan bertulis yang lengkap tentang hal-hal keadaan berhubung dengan terkandas atau terdampar itu kepada Pengurus Merin dan Syahbandar serta menyatakan apa-apa kerosakan yang mungkin menyentuh kelayakan belayar ke laut vesel itu dan laporan itu hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam dari masa vesel itu diapungkan semula atau sebelum apa-apa permohonan dibuat untuk mendapat perlepasan pelabuhan, mengikut mana yang berlaku dahulu.

- Kecemasan.** 29. Jika sekiranya berlaku apa-apa kecemasan atau kemalangan kepada sesuatu vesel di bawah undang-undang kecil 27 dan 28, Nakhoda atau orang yang bertanggungjawab atas vesel itu hendaklah memberitahu Pengurus Merin dan Syahbandar tanpa berlengah-lengah dan dengan cara yang habis terus tentang kecemasan atau kemalangan itu dan hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pengurus Merin atau Syahbandar dan hendaklah menghantar suatu laporan bertulis kepada mereka dalam tempoh 48 jam dari berlakunya kecemasan atau kemalangan itu atau sebelum meninggalkan Pelabuhan, mengikut mana yang berlaku dahulu.
- Tanggungjawab pemunya jika berlaku kebakaran, terdampar, tenggelam dan hanyut kerana putus tambatan.** 30. Jika sesuatu vesel, oleh apa-apa jua sebab, tenggelam atau terdampar, atau terkandas, atau hanyut kerana putus tambatan, atau terbakar pada masa berada di sisi dermaga Lembaga atau di mana-mana bahagian Pelabuhan di bawah kawalan Lembaga, pemunya atau Nakhoda vesel itu adalah bertanggungjawab atas segala akibat yang berbangkit daripadanya dan hendaklah memindahkan vesel itu apabila disuruh berbuat demikian oleh Lembaga.
- Cukup anak kapal di atas vesel.** 31. Tiap-tiap vesel hendaklah setiap masa mempunyai cukup bilangan orang untuk menghulur kabel, menyenggara lampu sauh supaya sentiasa bernyala, melabuhkan sauh, dan untuk mengambil segala langkah berjaga-jaga yang perlu pada masa kecemasan.
- Vesel hendaklah diterangi secara berpatutan.** 32. Nakhoda tiap-tiap vesel yang berlabuh atau ditambat kepada sesuatu dermaga Lembaga hendaklah memastikan bahawa semua bahagian vesel yang boleh dimasuki secara sah oleh mana-mana orang, adalah diterangi secara berpatutan.
- Penggunaan lampu suluh.** 33. Tiada suatupun lampu suluh boleh digunakan oleh sesiapa tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengurus Merin.
- Larangan merokok di tempat-tempat dinyatakan.** 34. Tiada seorangpun boleh merokok, menyalakan atau mendedahkan apa-apa lampu tak bertutup dalam atau berhampiran dengan mana-mana lubang peraka atau jendela kapal yang terbuka atau separuh terbuka atau dalam atau berhampiran dengan ruang muatan sesuatu vesel.
- Membaiki vesel.** 35. Tiada apapun dalam undang-undang kecil ini boleh ditakrifkan sebagai melarang kerja membaiki mana-mana vesel yang dijalankan dengan menepati syarat-syarat berikut:
- (a) kerja membaiki vesel itu hendaklah dijalankan hanya atas arahan Nakhoda;
  - (b) Nakhoda vesel itu adalah bertanggungjawab atas penyeliaan kerja membaiki itu; dan
  - (c) Nakhoda vesel itu hendaklah memastikan bahawa semua langkah berjaga-jaga yang berpatutan diambil untuk mencegah berlakunya apa-apa kebakaran atau letupan.

36. (1) Jalan untuk naik dan turun yang sempurna dan senang hendaklah diadakan bagi tiap-tiap vesel yang sedang berlabuh atau ditambat kepada dermaga Lembaga, dan jalan-jalan itu hendaklah diterangi secukupnya dari terbenamnya matahari hingga terbitnya matahari.

Keselamatan orang-orang di atas kapal.

(2) Semua jalan naik dan turun itu hendaklah diperuntukkan dengan tali rentang dan jaring dan apa-apa alat yang perlu bagi kesenangan dan keselamatan orang-orang yang naik ke atas atau lalu berhampiran dengan vesel itu.

(3) Semua lubang peraka dan lain-lain lubang geladak yang terbuka hendaklah sentiasa dikepong secukupnya dengan tali jika pintu dan lubang itu tidak dikepong secara tetap dengan pengadang.

(4) Semua jentera geladak dan kelengkapan untuk mengerjakan barang-barang termasuk derik, kren, dawai, anduhan, dulang, gerobok, jaring dan tali hendaklah disenggara dengan baik.

37. Tiada seorangpun Nakhoda atau pemunya sesuatu vesel boleh membenarkan atau membakar gala, damar, lilin, atau lain-lain bahan yang mudah terbakar dicairkan di atas vesel yang berlabuh atau ditambat kepada suatu dermaga Lembaga kecuali dengan apa-apa cara dan dalam mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengurus Merin.

Penggunaan bahan mudah terbakar dalam Pelabuhan atau di atas vesel.

## BAHAGIAN VII

### VESEL YANG MEMUATKAN DAN MEMUNGGAH BARANG-BARANG

38. Tiada suatupun vesel boleh mula memunggah atau memuatkan barang-barang atau menaik atau menurunkan penumpang-penumpang, sehingga ia telah ditambat secara kukuh di suatu tambatan yang disediakan bagi maksud itu.

Vesel tidak boleh membuat kerja sehingga ditambat secara kukuh.

39. Nakhoda tiap-tiap vesel hendaklah menyediakan dan memastikan bahawa ada lampu yang wajar dan secukupnya dalam bahagian-bahagian vesel di mana kerja sedang dijalankan, dan bagi vesel-vesel yang memunggah barang-barang ke dalam tongkang-tongkang atau memuatkan barang-barang dari tongkang-tongkang, ada lampu yang mencukupi di sebelah tepinya untuk membolehkan barang-barang dihitungkan dan disenggarakan dengan selamat, dan Nakhoda vesel adalah bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan, bencana atau kerosakan akibat kekurangan lampu yang wajar dan secukupnya.

Nakhoda hendaklah mengadakan lampu secukupnya.

40. (1) Tiap-tiap vesel hendaklah memunggah atau memuatkan barang-barangnya dengan segera dan jika tambatan yang didudukinya itu akan dikehendaki dalam sedikit masa lagi, atau nampaknya dikehendaki untuk suatu vesel lain, ia hendaklah membuat kerja lebihmasa sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengurus Trafik.

Vesel hendaklah dikeriakan dengan secepatnya yang berpatutan.

(2) Jika vesel itu tidak membuat kerja dengan segera atau membuat kerja lebihmasa sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengurus Trafik, Pengurus Trafik boleh, selepas memberi amaran sewajarnya kepada Nakhoda atau ejen vesel itu, memerintahkan vesel itu supaya mengosongkan tambatan itu, dan Nakhoda itu hendaklah mematuhi perintah itu.

(3) Sesuatu vesel yang mengosongkan tambatan menurut sesuatu perintah itu boleh dibenarkan memasuki tambatan semula menurut budibicara Pengurus Trafik.

(4) Pengurus Trafik boleh, jika difikirkannya patut, mengeluarkan arahan-arahan yang serupa untuk mengelakkan halangan-halangan kepada trafik, kesesakan atau supaya Pelabuhan dapat digunakan dengan selamat dan senang.

(5) Semua perbelanjaan yang dilakukan bagi mematuhi apa-apa perintah di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditanggung oleh vesel yang berkenaan.

Vesel tidak boleh menunggu di sisi tambatan.

41. Tiada suatu pun vesel boleh berada di sisi tambatan selepas ia telah habis memuatkan atau memunggah barang-barang atau menaik atau menurunkan penumpang-penumpang atau menunggu barang-barang di sisi tambatan melainkan jika dibenarkan oleh Pengurus Trafik.

Tanggungjawab atas kelewatan.

42. Lembaga tidak bertanggungjawab atas penahanan, atau kelewatan dipunggah atau dimuatkan barang-barang yang berbangkit dari apa jua sebab.

Larangan merokok.

43. (1) Tiada seorang pun boleh merokok di atas geladak atau dalam ruang barang-barang apabila vesel itu sedang memuatkan atau memunggah apa-apa barang-barang berbahaya atau mudah terbakar.

(2) Petak barang-barang dan pintu-pintu ruang barang-barang berbahaya atau mudah terbakar hendaklah sentiasa ditutup dengan sempurna, kecuali apabila vesel itu sedang memuatkan atau memunggah barang-barang.

Vesel hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga.

44. Apabila sesuatu vesel masuk ke tambatan, Nakhoda, pemunya atau ejen hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk keselamatan orang-orang yang bekerja dalam atau berhampiran dengan vesel itu dan terutama sekali memastikan bahawa anduhan-anduhan yang digunakan bagi maksud memuatkan dan memunggah barang-barang adalah teguh secukupnya, dalam keadaan baik dan direkabentuk sesuai bagi kerja yang ia digunakan; dan memastikan bahawa kerja sentiasa diawasi oleh orang yang berkelayakan.

Kerjasama dengan pegawai berkuasa.

45. (1) Nakhoda atau pemunya hendaklah mematuhi segala arahan dan bekerjasama dengan semua pegawai berkuasa Lembaga bagi maksud menambat dan melepaskan tambatan sesuatu vesel belayar ke laut atau bagi mengatur kedudukannya atau bagi menyelaraskan kelengkapan dan alatnya, bagi memuatkan dan memunggah barang-barang.

(2) Lembaga hendaklah sentiasa bebas naik ke atas semua vesel dalam Pelabuhan untuk memeriksa barang-barang, mencegah kebakaran, mengerjakan barang-barang, lampu dan menaik dan menurunkan penumpang-penumpang.

Perubahan yang dibenarkan di atas vesel.

46. Tiada seorang pun boleh bekerja di atas vesel lain daripada seorang anak kapal vesel itu, atau pekerja-pekerja, ejen-ejen atau pemegang-pemegang lesen Lembaga.

Lembaga tidak bertanggungjawab atas perbuatan pemunggah atau pekerja.

47. Mana-mana pemunggah atau pekerja yang ditugaskan bekerja di dalam atau berkenaan dengan mana-mana vesel, hendaklah disifatkan sebagai pekerja pemunya dan Nakhoda vesel itu walaupun upah atau saraan pemunggah atau pekerja itu dibayar oleh Lembaga. Lembaga adalah tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, ketinggalan atau kemungkiran pemunggah atau pekerja itu.

es)  
lik

m  
car  
g

mi

48. Pemunya, Nakhoda atau ejen tiap-tiap vesel hendaklah memberi notis bertulis kepada Pengurus Trafik tentang tujuannya untuk memuatkan atau memunggah barang-barang sebelum kerja itu dimulakan. Barang-barang yang dipunggah tanpa kebenaran Pengurus Trafik tidak boleh disifatkan sebagai dalam jagaan Lembaga dan Lembaga tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin berlaku kepada barang-barang itu oleh kerana apa jua sebab.

Notis untuk memunggah atau memuatkan barang-barang.

H  
H  
H  
H

### BAHAGIAN VIII

#### PENDARATAN DAN PENGAPALAN BARANG-BARANG

49. (1) Suatu salinan benar dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris manifest yang disahkan oleh Nakhoda atau pemunya sebagai betul mengandungi butir-butir lengkap mengenai berat kasar, ukuran, tanda, bilangan dan kandungan tiap-tiap satu bungkusan hendaklah didepositkan di pejabat Pengurus Trafik tidak kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum apa-apa barang-barang didaratkan ke atas mana-mana dermaga Lembaga atau mana-mana dermaga, limbungan, pier dan tempat pendaratan dalam Pelabuhan daripada mana-mana vesel.

Pendepositan manifest.

†H  
H  
H  
H  
H  
\*H  
\*H

(2) Suatu pernyataan yang diperakui tentang apa-apa perubahan yang dibuat dalam manifest oleh sebab pengukuran semula barang-barang yang dinyatakan dalamnya atau oleh sebab-sebab lain hendaklah juga didepositkan selepas sahaja barang-barang itu dipunggah.

(3) Nakhoda atau pemunya mana-mana vesel yang memuatkan barang-barang di sesuatu dermaga Lembaga atau mana-mana dermaga, limbungan, pier dan tempat pendaratan dalam Pelabuhan hendaklah mengemukakan di pejabat Pengurus Trafik suatu salinan manifest keluar dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan manifest itu hendaklah diperakui sebagai betul dan hendaklah mengandungi butir-butir lengkap mengenai berat kasar, ukuran, tanda, bilangan, kandungan tiap-tiap satu bungkusan yang dimuatkan dan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tujuh hari dari pelayaran vesel itu.

50. Tiada sesuatu barang-barang boleh didaratkan ke atas atau diperkapalkan dengan menggunakan tongkang atau kraf yang bukan kepunyaan Lembaga kecuali dengan kebenaran terlebih dahulu Pengurus Trafik dan tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Pengurus Trafik.

Barang-barang overside ke tongkang-tongkang persendirian.

F  
F  
F  
B

51. Nakhoda atau ejen tiap-tiap vesel hendaklah mengemukakan suatu senarai semua barang-barang yang diperkapalkan ke dalam atau dipunggah daripada tongkang atau kraf persendirian kepada Pengurus Trafik pada atau sebelum hari kerja yang berikut selepas vesel itu telah siap memuatkan atau memunggah barang-barang.

Nakhoda hendaklah mengemukakan senarai perkapalan overside ke dalam dan pemunggan overside daripada kraf persendirian.

F  
F  
F  
F  
F  
F  
F

52. Nakhoda atau ejen tiap-tiap vesel hendaklah mengemukakan apa-apa dokumen lain yang mungkin dikehendaki berhubung dengan pendaratan dan pengapalan barang-barang.

Nakhoda hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen lain.

F

53. (1) Nakhoda atau pemunya tiap-tiap vesel yang hendak mendarat atau mengapalkan barang-barang yang beratnya lebih daripada dua tan atau lebih daripada piawai dimensa kendalian Keretapi Tanah Melayu hendaklah menyatakan dengan tepat dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat, berat dan dimensa barang-barang atau bungkusan-bungkusan itu kepada Pengurus Trafik.

Nakhoda hendaklah menyatakan barang-barang berat dan besar.

F  
F  
J  
K

(2) Pengurus Trafik boleh menolak untuk menerima barang-barang itu ke dalam jagaan Lembaga.

Barang-barang  
berharga.

54. (1) Jika sesuatu bungkusan atau unit barang-barang bernilai lebih daripada satu ribu ringgit—

- (a) pemunya atau Nakhoda atau ejen kapal itu hendaklah memohon kelulusan Pengurus Trafik untuk menyerahkan barang-barang itu kepada Lembaga dengan menyatakan tanda, bilangan, kandungan dan nilai barang-barang itu dan nama dan alamat penerima kiriman barang-barang itu; dan
- (b) kelulusan untuk menerima barang-barang itu ke dalam jagaan Lembaga adalah menurut budibicara Pengurus Trafik.

(2) Bungkusan atau unit barang-barang itu hendaklah didaratkan atau diserahkan ke dalam jagaan Lembaga dalam masa siang sahaja, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pengurus Trafik.

(3) Bungkusan atau unit barang-barang itu hendaklah diserahkan secara khas dan berasingan kepada Pengurus Trafik yang menjaga dermaga dan resit penerimaannya hendaklah didapati daripadanya.

Barang-barang  
yang boleh  
ditolak  
penerimaan.

55. Pengurus Trafik boleh menolak pendaratan, atau menolak untuk menerima bagi dieksport, apa-apa barang-barang yang pada pendapatnya, boleh membahayakan keselamatan orang-orang dalam Pelabuhan, atau merosakkan lantai kawasan stor, dermaga, limbungan, pier atau mana-mana bahagin premis Pelabuhan atau mendatangkan bencana kepada apa-apa barang-barang dalam jagaan Lembaga.

Pendaratan  
barang-barang  
pelabuhan  
lain.

56. Pengurus Trafik boleh melarang pendaratan atau menolak untuk menerima barang-barang yang hendak dihantar ke pelabuhan-pelabuhan lain.

Pendaratan  
senjata  
api dan  
bahan  
letupan.

57. (1) Seseorang, wakilnya atau pkerjanya yang bertujuan untuk mendaratkan senjata, peluru atau bahan letupan hendaklah memberi satu notis bertulis 12 jam terdahulu kepada Pengurus Trafik.

(2) Semua peti mengandungi senjata, peluru atau bahan letupan hendaklah ditanda dengan jelas supaya dikenali.

(3) Jika notis tidak diberi dengan sewajarnya atau jika ada apa-apa barang-barang yang disembunyikan, pemunya atau Nakhoda adalah bertanggungjawab atas segala kerugian atau kerosakan yang berbangkit daripadanya.

(4) Semua orang yang mengimport senjata, peluru atau bahan letupan hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan undang-undang berhubung dengannya.

Pendaratan  
dan penga-  
palan  
ternakan.

58. Tiada suatu pun ternakan boleh didaratkan atau dibawa untuk diperkapalkan kecuali untuk diserahkan secara langsung atau diperkapalkan secara langsung, dan pemunya adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas keselamatan binatang-binatang itu. Lembaga tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kemalangan yang berlaku kepada, atau atas kehilangan jiwa atau anggota binatang-binatang itu yang disebabkan oleh mana-mana orang selain daripada pekerja Lembaga, yang bertugas mendarat dan mengapalkan ternakan itu.

Menandai  
bungkusan.

59. (1) Tiap-tiap bungkusan hendaklah ditandai dengan jelas dengan tanda-tanda Perkapalan dan Pelabuhan tulisan huruf rumi.

(2) Mana-mana bungkusan yang bertanda secara tidak cukup atau tidak boleh dibaca boleh ditolak oleh Lembaga, dan dalam mana-mana satu hal, Lembaga tidak bertanggungjawab atas mana-mana bungkusan itu.

(3) Apabila sesuatu barang-barang ditandai secara tidak cukup atau secara salah, Lembaga boleh, walaupun semua diu dan caj telah di-deposit atau dibayar, meminta daripada sesiapa yang menuntut barang-barang itu suatu perintah pelepasan khas yang ditandatangani oleh ejen kapal itu atau suatu gantirugi terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang Lembaga mungkin tanggung oleh sebab penyerahan kepada orang itu.

(4) Lembaga tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan, kerugian, kelambatan atau ketidakserahan barang-barang yang disebabkan oleh penandaan yang tidak cukup atau salah.

60. (1) Semua barang-barang yang diserahkan kepada Lembaga untuk diperkapalkan hendaklah disertai oleh suatu Nota Perkapalan yang menyatakan butir-butir mengenai tanda, bilangan, berat dan ukuran semua bungkusan dan semua butir lain yang berkenaan termasuk nama vesel dalam mana barang-barang itu hendak diperkapalkan tetapi tiada suatupun nota itu boleh ditakrifkan sebagai suatu perintah untuk mengapalkan.

Dokumen di-  
hendaki  
untuk  
barang-barang  
eksport.

(2) Barang-barang hendaklah hanya diserahkan kepada suatu vesel untuk dimuatkan apabila sahaja diterima oleh Lembaga suatu Perintah Perkapalan daripada pemunya, pengirim atau ejen, yang diendos dengan sewajarnya menunjukkan pihak berkuasa bagi insurans Perintah Perkapalan itu, dan suatu kebenaran pegawai yang hak Kastam membenarkan barang-barang itu dieksport.

61. (1) Tiada suatupun barang-barang boleh diperkapalkan melainkan jika suatu resit bersih telah diberi oleh pegawai vesel itu atau oleh pengirim atau ejennya yang diberikuasa berbuat sedemikian.

Barang-barang  
tidak  
boleh di-  
perkapalkan  
tanpa resit.

(2) Resit-resit bagi semua barang-barang yang diperkapalkan di atas vesel hendaklah diberi kepada Pengurus Trafik sebelum vesel itu meninggalkan tambatan di mana ia memuatkan barang-barang itu.

62. Barang-barang tidak boleh dibawa untuk diperkapalkan secara langsung atau ditempatkan di atas premis dermaga Lembaga tanpa kebenaran Lembaga.

Tiada pe-  
ngapalan secara  
langsung  
tanpa  
kebenaran.

63. Segala kemudahan untuk memeriksa barang-barang sebelum diperkapalkan atau pada masa memasang anduhan di atas dermaga atau tongkang hendaklah diberi kepada pegawai-pegawai vesel, tetapi apabila sahaja anduhan-anduhan itu telah meninggalkan dermaga atau tongkang yang dikendalikan oleh Lembaga, barang-barang itu hendaklah disifatkan sebagai telah disetujuterima oleh vesel itu sebagai betul mengenai keadaan dan kuantiti kedua-duanya kecuali mengenai apa-apa aduan yang dibuat pada masa pemeriksaan.

Kemudahan-  
kemudahan  
untuk  
memeriksa  
barang-barang.

64. Apabila berat atau ukuran padu (mengikut mana yang berkenaan) sesuatu barang-barang tidak boleh didapati, barang-barang itu hendaklah ditimbang atau diukur, oleh Lembaga, dan perbelanjaan yang dilakukan untuk itu hendaklah dibayar oleh orang yang mengemukakan Penyataan dan Perintah Pelupusan, Perintah Penyerahan atau Perintah Perkapalan berkenaan dengan barang-barang itu.

Barang-barang  
hendaklah  
ditimbang  
dan diukur

- Penerimaan barang-barang luar. 65. Barang-barang tidak boleh diletak di atas sesuatu pengkalan atau muka-jalan sebelum vesel bersedia untuk menerimanya tanpa kebenaran Pengurus Trafik.
- Pemeriksaan di atas vesel. 66. Lembaga tidak menjadi suatu pihak dalam apa-apa pemeriksaan barang-barang rosak yang diadakan di atas vesel.
- Kelewatan dan penahanan. 67. Lembaga tidak bertanggungjawab atas apa-apa kelewatan dalam pengapalan, pemunggahan atau penyerahan barang-barang yang disebabkan oleh terlalu banyak barang-barang, kesesakan kapal atau apa-apa keadaan lain yang tidak dapat dikawalinya.
- Pemunggahan dalam hujan. 68. Lembaga tidak bertanggungjawab atas kerosakan kepada barang-barang yang dipunggah dalam masa hujan.
- Kerosakan pada masa mengangkut dengan kren dan pada masa membekal kelengkapan lain. 69. (1) Jika Lembaga menyanggupi mengangkut barang-barang dengan kren ke atas dan daripada vesel atau kereta, ia tidak bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan yang berbangkit daripada :  
(a) sesuatu kren Pelabuhan atau muatan yang berserta dengannya berlanggar dengan tali-temali, tiang atau lain-lain kelengkapan vesel atau disebabkan oleh bergoyang atau bergeraknya vesel itu atau mana-mana daripadanya kelengkapannya; atau  
(b) sesuatu barang-barang diandoh atau dimuatkan dengan tidak sempurna oleh seseorang, lain daripada pekerja Lembaga yang bertindak dalam bidang pekerjaannya; atau  
(c) vesel itu telah tidak ditambatkan dengan sempurna dan selamat.  
(2) Loji mengendalikan barang-barang, kelengkapan dan alat kepunyaan Lembaga boleh digunakan oleh vesel-vesel tertakluk kepada apa-apa caj yang boleh dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa dan tertakluk sentiasanya kepada syarat bahawa Lembaga tidak bertanggungjawab atas kesalahan yang bukan sebenar dilakukannya atau penggunaan yang tidak dengan setahunya.

#### BAHAGIAN IX

##### PENERIMAAN, PENYIMPANAN DAN PEMINDAHAN BARANG-BARANG

- Tempat simpanan tidak dijamin 70. (1) Lembaga adalah tidak terikat untuk mengadakan kemudahan penyimpanan atau pengendalian bagi apa-apa barang-barang, tetapi jika sekiranya Lembaga menerima barang-barang untuk eksport, Lembaga adalah tidak bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada barang-barang itu yang mungkin disebabkan oleh sesuatu perkara di luar kawalan Lembaga.  
(2) Lembaga boleh memerintahkan pemunya atau ejen mana-mana barang-barang supaya membuat urusan mereka sendiri untuk menyimpan barang-barang itu.
- Barang-barang tertentu yang tidak diterima untuk disimpan 71. Lembaga adalah berhak untuk enggan menyimpan atau mengudangkan, kecuali di bawah syarat-syarat khas dan atas risiko tunggal dan perbelanjaan pemunya atau ejennya, barang-barang yang berikut :  
(a) benda-benda yang luarbiasa panjangnya, besarnya atau beratnya atau luarbiasa besar bagi kadar beratnya;  
(b) benda-benda yang dibungkus secara tidak sempurna, tidak selamat atau tidak cukup;

- (c) barang-barang berbahaya, membencana atau mencederakan ia-itu apa-apa barang-barang yang mungkin menyebabkan bencana atau kerosakan kepada orang atau harta;
- (d) apa-apa binatang liar atau besar.

72. (1) Apa-apa barang-barang untuk dikapalkan hendaklah didepositkan dalam mana-mana tempat yang diarahkan oleh Lembaga.

Pendepositan barang-barang untuk dikapalkan.

(2) Apa-apa barang-barang yang didepositkan secara berlawanan dengan undang-undang kecil ini boleh ditolak oleh Lembaga, dan Lembaga tidak bertanggungjawab atas kesempurnaan pengapalan barang-barang itu.

73. (1) Lembaga boleh menyimpan di tempat terbuka, barang-barang yang pada pendapat Lembaga adalah sesuai untuk disimpan sedemikian.

Penyimpanan barang-barang di tempat terbuka.

(2) Lembaga boleh memberitahu pemunya mana-mana barang-barang bahawa ia tidak boleh mengadakan tempat simpanan bagi barang-barang itu sama ada di tempat tertutup atau terbuka.

(3) Barang-barang yang disimpan di tempat terbuka adalah disimpan atas risiko pemunya dan Lembaga tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan atau kemerosotan mana-mana barang-barang yang disimpan sedemikian, atas apa jua sebab.

74. (1) Lembaga boleh menerima barang-barang untuk disimpan atau digudangkan atas had-had dan syarat-syarat undang-undang kecil ini.

Syarat-syarat bagi menyimpan atau menggudangkan.

(2) Tanggungan Lembaga adalah terbatas kepada barang-barang yang disebut dalam resit yang diberi oleh Lembaga apabila menerima barang-barang untuk disimpan dan digudangkan. Lembaga adalah tidak bertanggungjawab atas apa-apa barang-barang yang tidak disebut dalam resit itu.

(3) Lembaga adalah tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan terhadap apa-apa benda yang terkandung dalam sesuatu bungkusan, kontena, peti atau karton melainkan jika benda itu telah dibungkus oleh Lembaga atau pekerja-pekerjanya.

(4) Lembaga adalah tidak bertanggungjawab atas apa-apa benda berharga melainkan jika benda itu diisikan dalam suatu bungkusan tertutup dan notis tentang kandungan dan nilainya telah diberi kepada Lembaga sebelum benda itu didepositkan.

(5) Lembaga boleh pada bila-bila masa, memberi kepada pendeposit barang-barang lain daripada barang-barang taktahanlama notis dua puluh lapan hari yang terdahulu secara bertulis menghendaki pendeposit itu supaya memindahkan barang-barang itu, dan bagi barang-barang taktahanlama apa-apa notis pemindahan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga. Apabila mungkir memindahkan barang-barang itu menurut notis yang diberi, Lembaga adalah bebas untuk menjual, memusnah atau secara lain melupuskan barang-barang itu.

(6) Barang-barang yang dideposit tidak akan diserahkan kepada sesiapa melainkan jika semua bayaran penyimpanan telah dibayar dan sesuatu perintah penyerahan secara bertulis yang ditandatangani oleh pendeposit telah diserahkan kepada Lembaga.

(7) Notis tuntutan terhadap Lembaga kerana apa-apa kehilangan atau kerosakan yang dikatakan hendaklah diberi pada atau sebelum masa penyerahan diterima oleh pendeposit atau ejennya yang diberikuasa, dan semua tuntutan adalah dilarang dengan mutlak melainkan jika peruntukan ini dipatuhi.



(8) Semua tuntutan berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan hendaklah dibuat kepada Lembaga secara bertulis dalam tempoh dua puluh lapan hari selepas penyerahan barang-barang itu kepada pen-deposit atau ejennya yang diberikuasa dan apa-apa tuntutan yang tidak dibuat dalam tempoh itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditolak.

Penyerahan barang-barang mengikut tanda.

75. Penyusunan barang-barang dalam premis Pelabuhan hendaklah dibuat seberapa yang boleh mengikut tanda-tanda sebagaimana yang dinyatakan dalam manifest vesel, tetapi Lembaga tidak bertanggung-jawab atas kelewatan dalam penyerahan oleh kerana bercampur aduknya tanda-tanda.

Pengumpulan barang-barang di dermaga.

76. Tiada barang-barang boleh disusun di atas mana-mana dermaga, limbungan atau pier kecuali dalam tempat-tempat yang ditetapkan oleh Pengurus Trafik.

Penyerahan barang-barang curai dan besar.

77. Lembaga adalah tidak bertanggungjawab atas penyerahan mengikut berat barang-barang yang baginya resit "yang dikatakan" telah diberi, dan tidak akan bertanggung atas apa-apa kekurangan berkenaan dengan kuantiti yang dimanifestkan itu. Pada masa penyerahan Lembaga akan memperoleh suatu resit penuh bagi tiap-tiap kuantiti yang dimanifestkan itu.

Syarat-syarat penyerahan.

78. (1) Lembaga adalah terlepas daripada segala tanggungan mengenai apa-apa barang-barang yang diserahkan kepada orang yang mengemukakan resit muatan atau perintah penyerahan, mengikut mana yang berkenaan, dan tidak terikat membuat apa jua penyiasatan mengenai hak atau hakmilik orang itu atasnya.

(2) Lembaga adalah terlepas daripada segala tanggungan atas penyerahan salah mengikut tanda-tanda.

(3) Lembaga adalah tidak terikat untuk membuat apa jua penyiasatan mengenai betul atau selainnya apa-apa endosmen yang terdapat atau dikatakan telah dibuat atas mana-mana resit muatan atau perintah penyerahan itu.

Hak untuk memindahkan barang-barang.

79. Pengurus Trafik boleh menurut budibicaranya memindahkan apa-apa barang-barang yang telah didaratkan atau diterima ke dalam jagaan Lembaga ke sesuatu bangsal tak berdinding, gudang, bangsal transit, kawasan penyimpanan terbuka, atau dari satu tempat ke satu tempat lain.

Genting, bata, keping-keping asbestos dan lain-lain yang pecah.

80. (1) Bata, genting, papak batu, keping-keping asbestos, paip-paip tembikar atau logam dan barang-barang seumpama itu yang pecah hendaklah dipindahkan daripada premis Pelabuhan oleh penerima kiriman atau ejennya selepas dua puluh satu hari kerja dari tarikh pendaratannya, dan jika tidak dipindahkan, barang-barang itu boleh dilupuskan oleh Lembaga, tertakluk kepada kebenaran Ketua Pengarah Kastam, dan tiada tuntutan mengenai barang-barang itu boleh dilayan oleh Lembaga.

(2) Penerima kiriman, ejennya dan ejen kapal itu adalah bertanggung membayar kepada Lembaga kos yang dilakukan dalam melupuskan barang-barang itu.

Risiko atas barang-barang yang tidak dipindahkan.

81. Barang-barang yang telah diterima selepas menandatangani dokumen-dokumen Pelabuhan tetapi telah tidak dipindahkan daripada premis Pelabuhan hendaklah berada dalam premis Pelabuhan hanya dengan kebenaran bertulis Pengurus Trafik dan atas risiko dan belanja penerimaan kiriman keseluruhannya.

82. Jika pada pendapat Pegawai Kesihatan Pelabuhan atau seseorang Pegawai Perubatan yang dilantik oleh Lembaga sesuatu barang-barang dalam premis Pelabuhan mungkin menjadi atau telah menjadi gangguan atau membahaya kepada kesihatan, suatu notis bagi maksud itu hendaklah disampaikan kepada pemunya atau penerima kiriman barang-barang itu atau kepada Nakhoda, pemunya atau ejen vesel daripada mana barng-barang itu didaratkan, dan mereka hendaklah dalam tempoh enam jam dari waktu penyampaian notis itu memindahkan barang-barang itu daripada premis Pelabuhan dan membersihkan serta membunuh kuman tempat di mana barang-barang itu diletakkan dalam premis Pelabuhan; dan Pengurus Trafik boleh dengan kebenaran Ketua Pengarah Kastam, memindah dan memusnahkan barang-barang itu dan membersihkan serta membunuh kuman tempat di mana barang-barang itu diletak, dan kos bagi pemindahan, pemusnahan, pembersihan dan pembunuhan kuman itu hendaklah dibayar kepada Lembaga oleh orang yang telah disampaikan notis kepadanya. Lembaga adalah tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan bagi mana-mana barang-barang yang dimusnahkan sedemikian.

Pemindahan barang-barang busuk atau berbahaya daripada premis.

C/  
C/  
C/  
sa:  
C/  
Sh  
\*C/  
\*C/

83. Kebenaran kepada seseorang pemunya barang-barang untuk membuka bungkusan dalam kawasan premis Pelabuhan boleh diberi oleh Pengurus Trafik, tertakluk kepada peraturan-peraturan Kastam dan syarat bahawa pembukaan bungkusan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian oleh Lembaga, dan tiada tuntutan kemudiannya bagi kerosakan atau kekurangan kandungan boleh dilayan. Bungkusan-bungkusan yang telah dibuka untuk dinilai, diperiksa atau bagi apa-apa maksud lain oleh pemunya barang-barang itu hendaklah berada dalam premis Pelabuhan atas risiko dan belanja pemunya barang-barang itu.

Pemeriksaan dan penilaian.

Ci  
Ci  
ar  
Ci  
L.  
Ci  
Ti  
R-  
C  
C  
Pi  
Q  
C  
C  
C

84. (1) Tiada maklumat boleh diberi tentang barang-barang kecuali kepada orang-orang yang memegang dokumen-dokumen memberihak kepada mereka untuk menerima maklumat dan hanya berhubung dengan barang-barang tertentu itu sahaja.

Maklumat mengenai barang-barang

C  
C  
C  
C  
C

(2) Buku-buku atau barang-barang yang digunakan dalam bangsa-bangsa tidak boleh ditunjukkan kepada seseorang yang tidak diberi kuasa kecuali dengan kebenaran Pengurus Trafik.

85. Lembaga boleh menurut budibicaranya membuat apa-apa pembaikan kepada pembungkusan atau kontena barang-barang sebagaimana yang difikirkannya perlu, dan kos pembaikan itu hendaklah ditanggung oleh pemunya barang-barang itu.

Membaiki kontena-kontena barang-barang.

C  
\*C  
C  
C  
C

86. (1) Tanggungan Lembaga mengenai barang-barang tidak boleh lebih daripada yang dinyatakan dalam resit yang dikeluarkan oleh Lembaga bagi barang-barang itu.

Resit barang-barang.

C  
C  
C  
C

(2) Resit-resit yang dikeluarkan hendaklah berkenaan hanya dengan rupa luar bungkusan-bungkusan dan tidak boleh ditafsirkan sebagai berkenaan dengan kandungan atau keadaan kandungan bungkusan-bungkusan.

(3) Resit yang dikeluarkan oleh Lembaga adalah bagi amaun bungkusan-bungkusan sahaja. Resit itu tidak boleh menjadi suatu pengakuan tentang berat, ukuran atau nilai bungkusan-bungkusan dan tanpa menyentuh mana-mana peruntukan lain Undang-undang Kecil ini, tanggungan Lembaga tidak boleh lebih daripada taggungan vesel Resit Muatan yang berkenaan.

C  
C  
C  
C  
C

(4) Lembaga adalah tidak bertanggung mengenai barang-barang yang resit bersyarat diberi baginya dan ia tidak boleh menjadi suatu pihak dalam apa-apa pemeriksaan yang dijalankan ke atas barang-barang itu.

## BAHAGIAN X

### PEMBATASAN TANGGUNGAN

Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan kepada barang-barang lain daripada barang-barang pindahkapal yang didepositkan dengan Lembaga.

87. (1) Lembaga dan seseorang yang diberikuasa dengan sewajarnya olehnya hendaklah, berkenaan dengan apa-apa barang-barang lain daripada barang-barang pindahkapal yang didepositkan dengan atau ditempatkan dalam jagaan atau kawalan Lembaga bagi maksud penyerahan, disifatkan sebagai ejen pemunya vesel yang memungkah barang-barang tersebut tanpa mengira siapa jua yang membayar atau kena membayar kadar-kadar atau duti-duti berkenaan dengan barang-barang tersebut.

(2) Dalam bertindak sebagai ejen di bawah perenggan (1), Lembaga dan juga seseorang yang diberikuasa dengan sewajarnya olehnya tidak akan bertanggungjawab—

(a) sama ada mengenai gantirosak atau mengenai apa-apa hal lain atas apa-apa yang berlaku terhadap seseorang oleh sebab penyerahan kurang apa-apa barang-barang yang didepositkan dengan atau diletakkan dalam jagaan atau kawalan Lembaga atau oleh sebab sebarang kegagalan Lembaga untuk menyerah atau mengakaungkannya; atau

(b) atas kerosakan atau kemusnahan barang-barang tersebut sebanyak tidak lebih daripada satu ribu ringgit bagi satu bungkusan atau unit melainkan jika jenis dan nilai barang-barang yang terkandung di dalamnya telah, sebelum diserahkan kepada Lembaga, dinyatakan secara bertulis kepada Lembaga oleh orang yang menyerah atau menyebabkannya diserahkan, dan Lembaga tidak akan, walau di dalam apa hal pun, bertanggungjawab atas barang-barang tersebut jika nilai mana-mana barang-barang itu telah disalahnyatakan atau jika berlaku mana-mana daripada keadaan yang disebut dalam undang-undang kecil 89.

(3) Bagi maksud perenggan ini dan undang-undang kecil 88, perbahaasan "barang-barang pindahkapal" ertinya barang-barang yang didaratkan dari satu vesel dan diletakkan dalam jagaan Lembaga bagi maksud dikapalkan atas suatu vesel lain dengan kuasa suatu resit muatan melalui yang diberi tarikh di pelabuhan barang-barang itu dimuatkan dan yang menunjukkan bahawa pengangkutannya adalah melalui Pelabuhan di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga, dengan pelabuhan destinasi sebenar barang-barang itu ditandakan pada tiap-tiap satu bungkusan atau unit yang mengandungi barang-barang tersebut dan dinyatakan dalam suatu manifest pindahkapal yang diserahkan pada Lembaga sebelum daripada atau pada masa barang-barang itu diletakkan dalam jagaan Lembaga.

88. Berkenaan dengan mana-mana barang-barang pindahkapal yang diserahkan oleh seseorang kepada, atau diletakkan oleh seseorang dalam jagaan Lembaga, Lembaga hendaklah, dari masa barang-barang tersebut diakuterima dan sehingga barang-barang tersebut diserahkan di sisi vesel yang akan membawanya untuk dimuatkan, bertanggung awab, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang kecil 87, atas kerugian atau kemusnahan atau kerosakan pada barang-barang tersebut :

Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan kepada barang-barang pindahkapal yang depositedkan dengan Lembaga

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan sebanyak lebih daripada satu ribu ringgit bagi satu bungkusan atau unit melainkan jika jenis atau nilai barang-barang yang terkandung di dalamnya telah, sebelum diserahkan kepada Lembaga, dinyatakan secara bertulis kepada Lembaga oleh orang yang menyerah atau menyebabkannya diserahkan, dan Lembaga tidak akan, walau di dalam apa hal pun, bertanggungjawab atas barang-barang tersebut jika nilai mana-mana barang-barang itu telah disalahnyatakan.

89. Perenggan 2 (b) undang-undang kecil 87 dan undang-undang kecil 88 tidak akan mengenakan terhadap Lembaga atau seseorang yang diperkuasa dengan sewajarnya oleh Lembaga apa-apa tanggungjawab atas kerugian atau kemusnahan atau kerosakan pada mana-mana barang-barang yang berbangkit daripada—

Force Majeure dan lain-lain.

- (a) kebakaran atau banjir, melainkan jika disebabkan oleh kesalahan sebenar atau dengan setahu Lembaga;
- (b) bencana alam;
- (c) tindakan perang atau musnah awam;
- (d) penyitaan di bawah apa-apa proses undang-undang;
- (e) sekatan-sekatan kuarantin;
- (f) apa-apa perbuatan, ketinggalan atau kemungkiran pemunya atau pengangkut barang-barang itu;
- (g) mogok, tutup pintu atau penghentian atau penghalangan perburuhan oleh kerana apa jua sebab, sama ada sebahagian atau amnya;
- (h) rusuhan dan kekacauan sivil;
- (i) penyelamatan atau percubaan menyelamatkan nyawa atau harta;
- (j) pembungkusan secara tidak mencukupi atau tidak sempurna, tanda-tanda yang cacat atau tidak mencukupi atau kebocoran drum, kontena atau bungkusan;
- (k) apa-apa kemungkinan yang sedia ada tentang kesusutan besar atau beratnya, kecacatan yang mungkin atau sedia ada atau kemerosotan semula jadi;
- (l) apa-apa kekurangan pada kandungan bungkusan-bungkusan yang tidak pecah;
- (m) jenis berbahayanya barang-barang itu.

90. Berkenaan dengan semua barang-barang yang tidak dilindungi, sama ada untuk dikawal, diserahkan atau dipindahkapalkan atau selainnya, Lembaga tidak bertanggungjawab terhadap kepecahan, kehilangan kandungan, kerosakan atau kemusnahan seluruhnya barang-barang itu.

Barang-barang yang tidak dilindungi.

Tanggung  
berkenaan  
dengan peng-  
angkutan  
sebahagiannya  
dengan  
keretapi  
atau jalan  
raya dan  
sebahagian  
lagi dengan  
jalan laut.

91. (1) Apabila Lembaga membuat kontrak untuk mengangkut penumpang-penumpang atau barang-barang sebahagiannya dengan keretapi atau jalan raya dan sebahagian lagi dengan jalan laut, suatu syarat mengecualikan Lembaga daripada tanggungjawab atas apa-apa kehilangan jiwa, bencana diri atau kehilangan atau kerosakan barang-barang yang mungkin berlaku dalam masa pengangkutan dengan jalan laut disebabkan oleh bencana alam, peperangan, kebakaran, letupan, kemalangan daripada mesin, dandang, atau wap dan semua dan tiap-tiap bahaya dan kemalangan laut, sungai dan pengemudian dari apa jua jenis hendaklah, tanpa dinyatakan, disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada kontrak dan, tertakluk kepada syarat itu, Lembaga tidak bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan jiwa, bencana diri, atau kehilangan atau kerosakan barang-barang yang mungkin berlaku, tanpa kesalahan sebenar atau dengan setahunya. Tanggungan Lembaga adalah terbatas—

- (a) berkenaan dengan kehilangan jiwa atau bencana diri kepada seseorang penumpang, kepada amaun tidak lebih daripada satu ratus dua puluh lima ringgit bagi tiap-tiap satu tan berat vesel yang digunakan untuk pengangkutan dengan jalan laut itu;
- (b) berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan pada mana-mana barang-barang, Lembaga tidak bertanggungjawab atas gantirosak lebih daripada jumlah besar amaun tidak lebih daripada matawang Malaysia yang setara dengan lapan paun sterling bagi tiap-tiap satu tan berat vesel yang digunakan untuk pengangkutan dengan jalan laut itu.

(2) Bagi maksud undang-undang kecil ini berat tan sesuatu vesel api atau vesel motor atau tongkang adalah berat tan kasarnya dan berat tan berdaftarnya.

(3) Pembatasan tanggungan di bawah undang-undang kecil ini adalah berkenaan dengan keseluruhan sesuatu kehilangan atau kerosakan yang mungkin timbul pada sesuatu masa walaupun kehilangan atau kerosakan itu mungkin dialami oleh lebih daripada satu orang.

(4) Jika lebih daripada satu orang telah mengalami kehilangan atau kerosakan pada sesuatu masa yang terhadapnya Lembaga adalah bertanggungjawab dan jumlah besar amaun kehilangan atau kerosakan itu lebih daripada amaun yang Lembaga bertanggungjawab menurut batasan yang terkandung di dalam undang-undang kecil ini, maka tanggungan Lembaga kepada tiap-tiap satu orang itu hendaklah dikurangkan mengikut kadarnya.

(5) Dalam hal di mana perenggan (4) dipakai, Lembaga boleh enggan membayar gantirosak sehingga suatu tempoh tiga bulan dari tarikh kejadian itu telah tamat, bagi membolehkan semua tuntutan terhadapnya ditentukan.

(6) Apabila seseorang tidak memberi notis tuntutannya kepada Lembaga dalam tempoh yang disebut dalam perenggan (5) undang-undang kecil ini, Lembaga adalah tidak bertanggungjawab terhadapnya mengenai apa-apa wang yang, apabila dicampur dengan gantirosak yang kena dibayar kepada orang-orang lain, adalah lebih daripada jumlah amaun yang terhadapnya Lembaga bertanggungjawab menurut batasan yang terkandung dalam undang-undang kecil ini.

(7) Jika apa-apa gantirosak telah ditentukan dengan persetujuan di antara pihak yang menuntutnya dengan Lembaga, sesiapa orang lain yang berkepentingan boleh dengan notis pada bila-bila masa dalam tempoh yang disebutkan dalam perenggan (5) undang-undang kecil ini menghendaki supaya gantirosak itu ditentukan melalui guaman atau tindakan, dan hendaklah dalam guaman atau tindakan itu dimasukkan sebagai satu pihak dalamnya dan adalah bertanggungjawab secara tunggal atas apa-apa kos yang, jika tidak kerana peruntukan ini, mungkin telah diaward terhadap Lembaga.

(8) Beban membuktikan bahawa apa-apa kehilangan, bencana atau kerosakan itu telah berlaku dalam masa pengangkutan dengan jalan laut adalah terletak atas Lembaga.

92. Apabila Lembaga membuat kontrak untuk mengangkut dengan jalan laut tetapi bukan dengan keretapi atau jalan raya, mana-mana penumpang atau barang-barang untuk dipindahkapal dari suatu vesel atau bot ke suatu vesel atau bot lain, atau ke pantai, atau dari pantai ke sesuatu vesel atau bot, Lembaga adalah tidak bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan jiwa, bencana diri, atau kehilangan atau kerosakan barang-barang berkenaan dengan mana-mana penumpang yang, atau barang-barang yang, menurut kontrak itu, berada dalam atau di atas sesuatu kapal, bot, tongkang, atau lain-lain vesel Lembaga atau yang digunakan oleh Lembaga, sama ada kapal, bot, tongkang, atau lain-lain vesel itu adalah sedang bergerak atau tidak, melainkan jika kehilangan jiwa, bencana diri, kehilangan atau kerosakan itu berbangkit daripada atau disebabkan oleh kesalahan sebenar atau dengan setahu Lembaga atau pekerja-pekerjanya.

Tanggungjawab berkenaan dengan pengangkutan dengan jalan laut.

## BAHAGIAN XI

### BARANG-BARANG BERBAHAYA

93. Tiada barang-barang berbahaya boleh dibawa ke sisi dermaga Lembaga dalam sesuatu vesel, atau dipunggah masuk ke dalam sesuatu tongkang Lembaga, melainkan jika—

Sekatan-sekatan mengenai vesel dan tongkang berada di sisi dermaga.

- (a) barang-barang itu telah dinyatakan dan diperihalkan secukupnya dalam borang yang ditetapkan seperti yang diberi dalam Jadual Kedua; dan
- (b) kebenaran daripada Pengurus Trafik secara bertulis dalam borang yang ditetapkan seperti yang diberi dalam Jadual Ketiga telah diperolehi.

94. Tiada vesel yang membawa, memuatkan atau memunggah petroleum secara banyak boleh ditambat di sisi dermaga Lembaga melainkan jika—

Vesel dan tongkang membawa petroleum secara banyak.

- (a) tali-tali dan tali-tali dawai yang senang dipotong dengan kapak digunakan bagi menambat vesel itu, dan suatu dawai keluli yang sesuai untuk penundaan diikat kuat di atas vesel dengan mata simpulnya berjuntai keluar vesel di bahagian yang tidak rapat dengan dermaga;
- (b) enjin-enjin adalah disenggara dalam keadaan yang membolehkan vesel bersedia dan bergerak dengan serta-merta;
- (c) segala langkah berjaga-jaga yang memuaskan hati Penguasa Bomba untuk melawan kebakaran dengan segera adalah diambil. Langkah-langkah berjaga-jaga itu hendaklah termasuk—
  - (i) alat-alat pemadam api dipasang dan sedia untuk digunakan dengan serta-merta; dan

(ii) jaga yang kompeten ditugaskan terus-menerus siang dan malam; dan

(d) Nakhoda, atau ejennya, menandatangani suatu kesanggupan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

Petroleum  
atau bahan  
letupan.

95. Tiada suatupun vesel yang membawa, memuatkan atau memungghah petroleum atau bahan letupan boleh berada di sisi dermaga pada masa tambatan di sebelahnya digunakan oleh suatu vesel yang membawa, memuatkan atau memungghah mana-mana satu daripada barang-barang itu.

Vesel-vesel  
bermuat  
barang-barang  
dalam  
kelas-kelas  
I, II dan  
III di sisi  
dermaga.

96. Tiada suatupun vesel bermuat senjata dan barang-barang berbahaya dalam Kelas-kelas I, II dan III Jadual ini atau dengan tujuan hendak memuatkan atau memungghah senjata dan barang-barang yang sama boleh bertambat di sisi dermaga Lembaga melainkan jika—

(a) tiap-tiap orang di atas vesel itu yang ada dalam miliknya senjata atau barang-barang dalam Kelas-kelas I, II dan III mendepositkan senjata atau barang-barang itu kepada pemunya atau Nakhoda vesel dan juga—

(i) bagi senjata atau barang-barang berbahaya dalam Kelas-kelas I, II dan III kepunyaan seseorang yang akan turun di kawasan perairan hadapan Pelabuhan, menyerahkan selepas sahaja sampai senjata atau barang-barang itu kepada seseorang Pegawai Keselamatan Pelabuhan, yang adalah juga seorang polis tambahan, berpangkat tidak rendah daripada Penolong Keselamatan; dan

(ii) bagi senjata dan barang-barang berbahaya dalam Kelas-kelas I, II dan III kepunyaan seseorang yang tidak akan turun di kawasan perairan hadapan Pelabuhan, menyimpan senjata atau barang-barang itu dalam bilik kebal atau peti besi yang diluluskan di atas vesel sehingga vesel itu telah meninggalkan Pelabuhan;

(b) barang-barang itu disimpan di atas vesel di suatu tempat yang tidak boleh dimasuki oleh orang yang tidak dibenarkan tetapi senang dimasuki jika berlaku kebakaran atau kemalangan dan diliputi oleh suatu geladak atau barang-barang itu dilindungi secara berkesan daripada kerosakan dan daripada bunga api, puntung-puntung rokok bernyala, mancis dan lanpu takbertutup dengan memuaskan hati Penguasa Bomba;

(c) barang-barang itu diadang daripada dan dijauhkan dari lubang peraka supaya dapat dipastikan yang kerja boleh dijalankan dengan selamat;

(d) persediaan berjaga-jaga yang cukup telah dibuat dengan memuaskan hati Penguasa Bomba untuk melawan dengan segera sesuatu kebakaran;

(e) ada ditempatkan seorang jaga yang kompeten untuk mengawasi sesuatu lubang peraka terbuka atau barang-barang kiriman di atas geladak apabila barang-barang kiriman itu mengandungi barang-barang berbahaya dari Kelas-kelas yang disebut dalam undang-undang kecil ini, dari masa vesel itu ditambat sehingga vesel itu belayar jauh daripada dermaga; dan

(f) Nakhoda vesel atau ejennya telah menandatangani dan menyerahkan suatu kesanggupan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini yang tersebut di atas dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

97. Tiada barang-barang berbahaya boleh dibawa masuk ke dalam premis Pelabuhan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengurus Trafik dan mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan olehnya. Kebenaran dikehendaki untuk membawa masuk barang-barang berbahaya.
98. Tiada bungkusan yang cacat, atau kontena-kontena yang mengandungi barang-barang berbahaya boleh didaratkan ke atas dermaga Lembaga atau dibawa masuk ke dalam premis Pelabuhan atau dipunggah ke dalam tongkang Lembaga kecuali dengan kebenaran bertulis Pengurus Trafik. Bungkusan-bungkusan cacat tidak boleh didaratkan.
99. Tiada barang-barang berbahaya lain daripada barang-barang berbahaya dalam Kelas IV Senarai Barang-barang berbahaya Lembaga boleh dimuatkan atau dipunggah ke dalam tongkang Lembaga kecuali pada waktu siang dan dengan kebenaran bertulis Pengurus Trafik dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkannya. Barang-barang hendaklah didaratkan pada waktu siang.
100. Barang-barang berbahaya lain daripada barang-barang berbahaya dalam Kelas IV Senarai Barang-barang Berbahaya Lembaga hendaklah dipunggah terdahulu daripada apa-apa barang-barang lain dalam ruang muatan yang sama, dan hendaklah dimuatkan kemudian daripada semua barang-barang lain sebelum sahaja vesel itu belayar. Memunggah dan memuatkan barang-barang berbahaya, lain daripada barang-barang berbahaya dalam Kelas IV.
101. Semua vesel, tongkang, atau kraf yang bermuat barang-barang berbahaya dalam Kelas I lain daripada petroleum dan bahan letupan hendaklah ditambat atau berlabuh di tempat berlabuh yang ditetapkan oleh Pengurus Trafik. Pemungghaan barang-barang berbahaya dalam Kelas I.
102. Tiada ataupun vesel yang membawa apa-apa barang-barang berbahaya dalam Kelas I boleh berada di sisi dermaga Lembaga, melainkan dibenarkan oleh Ordinan Petroleum 1949, dan oleh apa-apa kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan tertakluk kepada semua syarat, stipulasi dan tatacara yang ditetapkan. Vesel yang membawa barang-barang berbahaya tidak boleh berada di sisi dermaga. 46/49.
103. (1) Semua vesel yang membawa bahan letupan (sama ada barang-barang itu masuk dipunggah di Pelabuhan atau tidak), atau yang hendak memuatkan barang-barang itu hendaklah memuatkan atau memunggah di suatu tempat berlabuh yang ditetapkan oleh Pengurus Trafik. Pemungghaan dan pemindahankapal bahan letupan.
- (2) Pemindahankapal secara langsung bahan letupan daripada suatu vesel ke satu vesel lain hendaklah dijalankan dalam Tempat Berlabuh Bahan Letupan.
104. (1) Barang-barang berbahaya dalam Kelas II boleh berada di atas sesuatu vesel pada masa vesel itu berada di sisi dermaga Lembaga, tertakluk kepada kebenaran diberi oleh Pengurus Trafik sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Ketujuh, dan tertakluk kepada apa-apa peruntukan dalam Ordinan Bahan Letupan 1957, atau dalam Ordinan Petroleum 1949, dan dalam apa-apa kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Barang-barang berbahaya dalam Kelas II boleh berada di atas vesel tertakluk kepada syarat-syarat. 49/57. 46/49.
- (2) Kebenaran yang disebut dalam perenggan (1) hendaklah hanya diberi atas syarat-syarat berikut:
- (a) pembungkusan dan penyimpanan barang-barang itu hendaklah diperakui oleh Nakhoda atau ejennya, bagi pihak pemunya vesel itu, sebagai betul-betul mengikut semua kehendak undang-undang dan syor-syor bagi pengangkutan barang-barang berbahaya dan bahan letupan di atas kapal sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan;



(b) barang-barang itu hendaklah disimpan dalam vesel dengan memuaskan hati Syahbandar dan dalam suatu tempat yang—

- (i) tidak boleh dimasuki oleh orang yang tidak dibenarkan;
- (ii) senang dimasuki jika berlaku kebakaran atau kemalangan;
- (iii) diliputi oleh kajang kekal di atas geladak;
- (iv) dilindungi daripada bunga api, puntung rokok bernyala, mancis dan lampu takbertutup; dan

(c) Nakhoda atau ejennya hendaklah menandatangani suatu jaminan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan untuk menguruskan supaya penyeliaan rapi dan berterusan disenggarakan ke atas tempat di mana barang-barang itu disimpan, untuk memasang alat-alat bomba dan menyediakannya untuk digunakan dengan serta-merta, untuk mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk melawan dengan segera sesuatu kebakaran dan untuk menugaskan seorang jaga yang kompeten siang dan malam, meronda tempat di mana barang-barang itu disimpan.

(3) Tertakluk kepada langkah berjaga-jaga yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 100, barang-barang berbahaya dalam Kelas II hendaklah dipunggah ke dalam tongkang sahaja, dan tidak boleh walau bagaimanapun dideposit ke atas dermaga Lembaga atau dibawa melalunya.

Barang-barang berbahaya dalam Kelas III.

105. (1) Barang-barang berbahaya dalam Kelas III boleh dibenarkan berada di atas sesuatu vesel yang berada di sisi dermaga Lembaga atas syarat-syarat berikut:

- (a) pembungkusan dan penyimpanan barang-barang itu hendaklah diperakui oleh Nakhoda atau ejennya, bagi pihak pemunya vesel itu, sebagai betul-betul mengikut semua kehendak undang-undang dan syor-syor bagi pengangkutan barang-barang berbahaya dan bahan letupan di atas kapal sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan;
- (b) barang-barang itu hendaklah diadang daripada dan dijauhkan dari lubang peraka supaya kerja boleh dijalankan dengan selamat, dan jika barang-barang itu dibawa di atas geladak, hendaklah diliputi dengan memuaskan hati Syahbandar;
- (c) pegawai-pegawai vesel hendaklah menjalankan pengawasan yang rapi dan berterusan ke atas tiap-tiap ruang muatan atau petak atau tempat yang digunakan untuk menyimpan barang-barang itu, dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk melawan dengan segera sesuatu kebakaran; dan
- (d) hendaklah ditempatkan seorang jaga yang kompeten mengawasi sesuatu lubang peraka atau kiriman barang-barang di atas geladak apabila barang-barang itu termasuk dalam Kelas barang-barang berbahaya ini.

(2) Tertakluk kepada langkah berjaga-jaga yang dinyatakan dalam undang-undang kecil ini, barang-barang berbahaya dalam Kelas III boleh dipunggah daripada suatu vesel di sisi dermaga ke atas dermaga itu, atau boleh dimuatkan ke atas suatu vesel di sisi dermaga daripada suatu vesel lain di mana sahaja vesel itu berada, atau daripada dermaga itu mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Pengurus Trafik.

106. (1) Barang-barang berbahaya dalam Kelas-kelas I, II dan III hendaklah dimuatkan ke dalam gerabak-gerabak atau dipindahkan daripada premis Pelabuhan selepas sahaja dipunggahkan, jika tidak dimuat atau dipindahkan sedemikian Pengurus Trafik boleh memindahkan, menjaga atau memusnahkan barang-barang itu dengan perbelanjaan pemunya, ejen atau penerima kiriman, yang mana adalah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan atau kerugian yang berbangkit daripadanya.

Pemuatan barang-barang berbahaya dalam Kelas-kelas I, II dan III.

(2) Barang-barang berbahaya dalam Kelas-kelas I, II dan III hendaklah dimuatkan dengan serta-merta selepas ia dibawa ke sisi vesel, jika tidak dimuatkan sedemikian Pengurus Trafik boleh memindahkan, menjaga atau memusnahkan barang-barang itu dengan perbelanjaan pemunya, ejen atau pengirim, yang mana adalah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan atau kerugian yang berbangkit daripadanya.

107. Barang-barang berbahaya dalam Kelas IV boleh diterima dan disimpan dalam kawasan penyimpanan Pelabuhan melainkan jika Pengurus Trafik memberitahu ejen, atau pemunya, secara bertulis, yang barang-barang itu tidak boleh diterima dan disimpan sedemikian, dalam hal yang demikian barang-barang itu hendaklah dipindahkan daripada premis Pelabuhan dengan serta-merta.

Penerimaan dan penyimpanan barang-barang berbahaya dalam Kelas IV.

108. Tiada seorang pun boleh memotong, mencacat, merosakkan atau secara lain mengganggu apa-apa notis amaran yang digunakan berhubung dengan sesuatu barang-barang berbahaya dalam masa barang-barang itu dipunggah, dimuatkan, diangkut atau disimpan.

Notis amaran tidak boleh dicacatkan.

## BAHAGIAN XII

### JALAN MASUK KE PREMIS PELABUHAN

109. (1) Lembaga boleh menurut budibicara yang mutlak menutup mana-mana bahagian premis Pelabuhan dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa yang difikirkannya patut dan ia tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang berbangkit daripadanya.

Penutupan premis.

